

11 NOV 2001

Ghani-Tapak

JOHOR PASTIKAN ISU TANAH TAK GANGGGU PEMBANGUNAN PROJEK

JOHOR BAHARU, 11 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan Johor menetapkan sasaran sehingga akhir tahun ini untuk menyelesaikan sebarang isu tapak tanah agar semua projek infrastruktur awam yang tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kelapan di negeri itu dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Dalam tempoh kurang dari dua bulan ini, kerajaan negeri akan mengenal pasti dan menyelesaikan semua isu tanah yang membabitkan projek infrastruktur awam seperti sekolah dan balai bomba, katanya.

"Kita nak selesaikan isu tapak tanah ini dalam tahun 2001 ini juga, bagi membolehkan projek-projek pembangunan infrastruktur dalam RMK-8 dapat dilaksanakan dengan lancar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan pengurusan di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata langkah itu selaras dengan keputusan mesyuarat Menteri-menteri Besar dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Katanya semua ketua jabatan, pegawai daerah dan pegawai Pejabat Tanah di Johor akan dipanggil bermesyuarat untuk mengenal pasti serta menyelesaikan secepat mungkin isu tapak tanah projek-projek infrastruktur awam.

Dalam RMK-8, Johor mendapat peruntukan RM1.5 bilion untuk membangunkan projek-projek infrastruktur seperti jalan raya, sekolah dan pejabat kerajaan.

"Kita akan memastikan keseluruhan peruntukan ini dapat dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan agar kita dapat sama-sama membantu menjana ekonomi negeri dan negara ini amnya," katanya.

Mengikut rekod pencapaian kerajaan negeri dalam menyelesaikan peruntukan yang diberikan, Johor telah mencatat pencapaian 97 peratus dalam soal pembangunan infrastruktur awam dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Abdul Ghani berkata projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh itu kebanyakannya melibatkan soal tapak tanah seperti yang melibatkan pembinaan lima balai bomba.

"Kali ini (dalam RMK-8) kerajaan negeri mensasarkan untuk mencapai 100 keputusan dalam usaha kita melicinkan pelaksanaan projek-projek kerajaan di Johor," katanya.

Persidangan selama empat hari itu, yang bermula semalam, dianjurkan bersama oleh kerajaan negeri, Asia Academy of Management (AAM) dan Fakulti Pengurusan Universiti Sains Malaysia.

-- BERNAMA

RAM MAI